



PARLIMEN MALAYSIA



RANG UNDANG-UNDANG

Perbekalan Tambahan (1981 dan 1982) 1982

DR.7/1982

Naskhah sahih—Bahasa Malaysia

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta bagi menggunakan wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1981 dan 1982 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu.

[]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Perbekalan Tambahan (1981 dan 1982) 1982.

Tajuk ringkas.

2. (1) Maka adalah dibenarkan supaya dikeluarkan wang sebanyak tidak lebih daripada empat ratus enam belas juta tujuh ratus tujuh puluh sembilan ribu lapan ratus tiga puluh lapan ringgit (\$416,779,838) daripada Kumpulan Wang Disatukan bagi perbelanjaan untuk perkhidmatan-perkhidmatan yang dinyatakan dalam Jadual Pertama bagi perkhidmatan tahun 1981, yang tidak diperuntukkan atau yang tidak diperuntukkan dengan sepenuhnya dalam Anggaran Belanja Mengurus Persekutuan 1981 yang telah diluluskan oleh Akta Perbekalan 1981 dan Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Pertama, 1981 yang telah diluluskan oleh Akta Perbekalan Tambahan (1980 dan 1981) 1981.

Perbelanjaan tambahan bagi tahun 1981.

Akta A502.

Akta A527.

(2) Wang yang tersebut itu adalah diperuntukkan bagi maksud-maksud yang dinyatakan dalam Jadual Pertama.

Perbelanjaan tambahan bagi tahun 1982.

Akta A526.

3. (1) Maka adalah dibenarkan supaya dikeluarkan wang sebanyak tidak lebih daripada dua ratus lima puluh juta lapan ratus dua puluh ribu tiga ratus dua puluh enam ringgit (\$250,820,326) daripada Kumpulan Wang Disatukan bagi perbelanjaan untuk perkhidmatan-perkhidmatan yang dinyatakan dalam Jadual Kedua bagi perkhidmatan tahun 1982, yang tidak diperuntukkan atau yang tidak diperuntukkan dengan sepenuhnya dalam Anggaran Belanja Mengurus Persekutuan 1982 yang telah diluluskan oleh Akta Perbekalan 1982.

(2) Wang yang tersebut itu adalah diperuntukkan bagi maksud-maksud yang dinyatakan dalam Jadual Kedua.

JADUAL PERTAMA

(Seksyen 2)

Maksud	Tajuk	Peruntukan kepada maksud
B. 1 ...	Parlimen ...	\$ 2,441,600
B. 2 ...	Majlis Raja-Raja ...	365,410
B. 3 ...	Jabatan Odit ...	113,000
B. 4 ...	Suruhanjaya Pilihanraya ...	1,357,300
B. 5 ...	Suruhanjaya Perkhidmatan Awam	705,663
B. 7 ...	Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran ...	214,100
B. 8 ...	Jabatan Perdana Menteri ...	69,160,800
B. 9 ...	Jabatan Perkhidmatan Awam, Malaysia ...	6,000,000
B. 10 ...	Jabatan Kehakiman ...	2,587,000
B. 12 ...	Pejabat Setiausaha Persekutuan, Sarawak ...	388,000
B. 13 ...	Perangkaan ...	2,857,900
B. 14 ...	Jabatan Peguam Negara ...	499,400
B. 24 ...	Kementerian Wilayah Persekutuan ...	5,818,200
B. 25 ...	Kementerian Perusahaan Utama	10,076,661
B. 26 ...	Kementerian Pertanian ...	8,875,000
B. 29 ...	Muzium ...	161,250
B. 31 ...	Kementerian Pelajaran ...	10,780,000
B. 32 ...	Kementerian Luar Negeri ...	1,770,400
B. 35 ...	Peruntukan kepada Kumpulan Wang Terkanun ...	223,000,000
B. 36 ...	Kastam dan Eksais Di Raja ...	8,050,000
B. 38 ...	Kementerian Perusahaan Awam	433,300

Maksud	Tajuk	Peruntukan kepada maksud
B. 41 ...	Polis Di Raja Malaysia ...	\$ 6,000,000
B. 42 ...	Jabatan Imigresen ...	7,868,690
B. 43 ...	Pendaftaran Pertubuhan ...	264,585
B. 44 ...	Jabatan Pendaftaran Negara ...	944,481
B. 45 ...	Penjara ...	2,491,800
B. 50 ...	Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat ...	2,660,162
B. 51 ...	Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar ...	1,033,225
B. 52 ...	Jabatan Kimia ...	161,000
B. 53 ...	Kementerian Pengangkutan ...	1,387,630
B. 54 ...	Jabatan Laut ...	177,138
B. 55 ...	Jabatan Laut—Sarawak dan Sabah ...	90,498
B. 60 ...	Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos ...	4,969,898
B. 62 ...	Perkhidmatan Pos ...	6,211,000
B. 64 ...	Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam	5,717,150
B. 65 ...	Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah ...	18,923,320
B. 67 ...	Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar ...	2,224,277
Jumlah ...		<u>\$416,779,838</u>

JADUAL KEDUA

(Seksyen 3)

Maksud	Tajuk	Peruntukan kepada maksud
B. 24 ...	Kementerian Perusahaan Utama	\$186,487,400
B. 25 ...	Kementerian Pertanian ...	15,684,100
B. 26 ...	Kementerian Perdagangan dan Perindustrian ...	250,000
B. 27 ...	Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan ...	7,744
B. 33 ...	Perkhidmatan Am Perbenda- haraan ...	37,750,000
B. 34 ...	Peruntukan kepada Kumpulan- wang Terkanun ...	1,000,000
B. 37 ...	Kementerian Perusahaan Awam	1,000,000
B. 39 ...	Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri ...	2,605,000

Maksud	Tajuk	Peruntukan kepada maksud
B. 44 ... Penjara ...	...	\$ 239,616
B. 48 ... Jabatan Penerangan ...	...	5,030,220
B. 49 ... Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat ...	...	766,246
Jumlah ...		<u>\$250,820,326</u>

HURAIAN

Tujuan Rang Undang-undang ini ialah untuk memberi kuasa berkanun supaya beberapa pembayaran tambahan tertentu dibuat untuk perkhidmatan-perkhidmatan awam persekutuan dalam tahun 1981 dan 1982 melebihi perbelanjaan yang dibenarkan oleh Anggaran Belanja Mengurus Persekutuan 1981 dan 1982, Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Pertama, 1981 yang telah diluluskan oleh Akta Perbekalan Tambahan (1980 dan 1981) 1981 dan untuk mengadakan peruntukan bagi mengganti pendahuluan-pendahuluan yang dibuat daripada Kumpulan Wang Luar Jangka sebagaimana dikehendaki oleh Perkara 103 Perlembagaan. [PN. (U²) 1157.]